



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



**PROFESIONALISME HAKIM SYARIE MAHKAMAH SYARIAH
MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM**

*PROFESSIONALISM OF SYARIAH JUDGES OF SYARIAH COURTS ACCORDING
THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC LAW*

Zulzaidi Mahmod^{1*}, Ahmad Hidayat Buang²

¹ Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, Malaysia
Email: zulzaidi86@gmail.com

² Profesor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, Malaysia
Email: ahidayat@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.10.2021
Revised date: 17.10.2019
Accepted date: 25.10.2021
Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Mahmod, Z. & Buang, A. H. (2021).
Profesionalisme Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Menurut
Perspektif Perundangan Islam.
*International Journal of Law,
Government and Communication*, 6
(26), 01-12.

DOI: 10.35631/IJLGC.626001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Profesionalisme penjawat awam dalam kerajaan di Malaysia merupakan perkara penting kepada proses penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mahkamah Syariah merupakan agensi kerajaan yang telah menempatkan pegawai bagi melaksanakan fungsi kehakiman termasuk Hakim Syarie. Perjawatan Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Negeri diwujudkan untuk memastikan proses keadilan dilakukan oleh personel yang profesionalisme, kompeten dan berkualiti. Walau bagaimanapun bagaimanakah pendekatan yang digariskan oleh perundangan Islam bagi memastikan hakim yang dilantik mempunyai profesionalisme dalam pelaksanaan tugas kehakiman. Perkara ini perlu dilihat melalui proses pelantikan tugas kehakiman Syariah di Malaysia. Penulisan makalah ini dilakukan bertujuan melihat Profesionalisme Hakim Syarie menurut perspektif perundangan Islam yang diaplikasikan di Mahkamah Syariah. Pendekatan metodologi yang digunapakai bagi kertas kerja ini ialah pendekatan kualitatif. Hasil penyelidikan mendapati bahawa perundangan Islam telah meletakkan nilai Profesionalisme dalam proses penghakiman hakim. Perbincangan *Fiqh al-Qada'* telah meletakkan asas kepada pelantikan *al-Qadi*. Perkara ini diaplikasikan di Mahkamah Syariah di Malaysia melalui pelantikan Hakim Syarie dan proses penghakiman yang diperuntukkan oleh undang-undang dan pemakaian arahan amalan. Kompetensi Hakim Syarie melalui pelantikan dan pengetahuan kehakiman merupakan asas nilai profesionalisme bagi tujuan ketelusan penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah di Malaysia.

Kata Kunci:

Profesionalisme, Hakim Syarie, Mahkamah Syariah, Penghakiman

Abstract:

The professionalism of civil servants in the government in Malaysia is an important part of the government service delivery process. The Syariah Court is a government agency that has placed officers to perform judicial functions, including Syariah Judges. The post of Syariah Judges in the State Syariah Court was established to ensure that the justice process is being done by professional, competent, and qualify personnel. However, what is the approach outlined by Islamic law to ensure that the appointed judges have professionalism in the performance of judicial duties? This matter needs to be seen through the Shariah judicial appointment process in Malaysia. The purpose of this paper is to view the professionalism of Syariah Judges according to the perspective of Islamic law applied in Syariah Courts. The methodological approach of the study on which this paper is based is a qualitative approach. The results of the research found that Islamic jurisprudence has placed the value of Professionalism in the judging process of judges. The discussion of Fiqh al-Qada' has laid the foundation for the appointment of al-Qadi. This matter is applied in the Syariah Courts in Malaysia through the appointment of Syariah Judges and the judicial process provided by law and the application of practice directions. The competence of Syariah Judges through an appointment and judicial knowledge is the basis of the value of professionalism for the purpose of transparency in the delivery of Syariah judicial services in Malaysia.

Keywords:

Professionalism, Syariah Judge, Syariah Court, Judgment

Pengenalan

Sistem Kehakiman menurut perspektif perundangan Islam bertujuan memberikan keadilan kepada pihak-pihak berdasarkan metodologi penghakiman yang telah digariskan. Fuqaha` telah membincangkan sistem kehakiman Islam ini secara tersusun di dalam kitab-kitab mereka di bawah tajuk *al-Qada'* dan *al-Aqdiyah* sebagaimana ditulis oleh al-Khatib al-Sharbini (1997), al-Husayni (2001) Ibn Abi al-Dam (1984) al-Shirazi (1995) dan al-Nawawi (t.t) dalam kitabnya *Kitab al-Majmu` Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Perbincangan kehakiman ini boleh diistilahkan dengan "*Fiqh al-Qada'*" yang mana kehakiman Islam dibincangkan secara berfokus dari aspek perwujudan sistem kehakiman, pelantikan *al-Qadi*, proses keterangan dan proses penghakiman. Aplikasi kehakiman Islam telah diaplikasikan di Malaysia melalui peruntukan undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri. Pelaksanaan ini dilaksanakan di peringkat Mahkamah Syariah Negeri (MSN) yang mana ditadbir di bawah bidangkuasa negeri-negeri (Tajul Aris, 2007). Perwujudan institusi ini bertujuan untuk memastikan keadilan ditegakkan melalui institusi yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh pihak yang kompeten (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2021). Pelantikan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah juga dilakukan melalui Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam atau Akta/Enakmen/Ordinan Mahkamah Syariah Negeri. Pelantikan ini merupakan asas kompetensi pegawai dalam pelaksanaan tugas kehakiman bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah dilakukan oleh personel yang profesional. Pelantikan Hakim Syarie secara khusus terhadap

pengurusan Mahkamah Syariah memberi jaminan keadilan apabila dilaksanakan oleh pihak yang berkelayakan dari segi akademik dan proses pelantikan perundangan. Oleh yang demikian, makalah ini melihat melihat Profesionalisme Hakim Syarie menurut perspektif perundangan Islam yang diaplikasikan di Mahkamah Syariah.

Profesionalisme Pelantikan Hakim Menurut Perundangan Islam

Perundangan Islam adalah bersifat komprehensif dan fleksibel kepada umat Islam dalam segala aspek termasuk kehakiman Islam. Kehakiman Islam yang digariskan oleh *Fiqh al-Qada'* meletakkan bahawa keadilan adalah asas proses kehakiman yang dilaksanakan oleh hakim secara teratur. Pencapaian matlamat organisasi secara zahirnya turut menunjukkan kecemerlangan sesebuah organisasi dan ia merupakan implikasi yang positif hasil daripada pengamalan keperibadian Islam dan juga profesionalisme dalam pekerjaan (Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah Kamri, 2015). Perkara ini menunjukkan bahawa hakim juga perlu mempunyai profesionalisme dalam pelaksanaan tugas kehakiman yang merupakan organisasi pemerintah bagi memastikan proses kehakiman dilaksanakan adil, telus dan integriti.

Kehakiman dan Keadilan Menurut Perspektif Al-Quran

Kehakiman dalam merupakan aspek penting dalam pentadbiran sesebuah negara atau kerajaan di dunia. Sistem kehakiman Islam merupakan salah satu sistem yang diaplikasikan dengan berpaksikan kepada panduan al-Quran dan hadith. Kehakiman Islam mempunyai asas yang kukuh dalam Islam iaitu mencapai keadilan. Perbincangan *Fiqh al-Qada'* telah meletakkan Surah al-Nisa' ayat 58 berkenaan dengan prinsip keadilan yang perlu diaplikasikan dalam proses keadilan:

“Sesungguhnya Allah S.W.T menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah S.W.T menyuruh) kamu menghukumkan dengan adil. Sesungguhnya Allah S.W.T dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah S.W.T sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.” (Surah al-Nisa', 4: 58)

Berdasarkan ayat ini terdapat dua (2) prinsip penting yang perlu diaplikasikan dalam konsep keadilan iaitu amanah dan berhukum dengan adil. Kedua-dua perkara ini merupakan asas integriti kehakiman dan secara tidak langsung merupakan nilai profesionalisme hakim yang melaksanakan tugas ini. Ibn Kathir (2000) dalam menghuraikan ayat ini telah menyatakan bahawa Allah S.W.T menyuruh agar menunaikan amanah kepada pemiliknya. Amanah ini adalah bermaksud merangkumi hak-hak Allah S.W.T dan juga hak-hak manusia (Ibn Kathir, 2000).

Perbincangan aspek keadilan berdasarkan ayat ini, al-Qurtubi (2006) di dalam tafsirnya *al-Jami` li Ahkam al-Quran* tidak menerangkan secara panjang perkara ini dan hanya menyentuh bahawa ayat ini adalah diarahkan kepada pemerintah dan pihak pelaksana hukum. Muhammad al-Zuhayli (2011) juga menerangkan ayat ini di dalam kitabnya bahawa ayat ini merupakan suruhan kepada hakim melakukan penghakiman dengan keadilan dan itulah kebenaran. Berdasarkan kepada ayat ini, jelas menunjukkan bahawa kehakiman adalah mengaplikasikan konsep keadilan bagi menjamin hak pihak-pihak. Pentadbiran Islam melalui siyasah Syariah telah menetapkan bahawa sistem kehakiman ini hanya dilaksanakan oleh orang yang berkelayakan dan kompeten sahaja.

Profesionalisme dan Integriti Kehakiman Menurut Perspektif Hadith dan Perundangan Islam

Aplikasi kehakiman Islam adalah bersifat eksklusif dalam sistem pentadbiran negara. Hal ini adalah kerana segala proses dan prosiding kehakiman dan penghakiman dilakukan melalui panduan al-Quran dan hadith serta dilaksanakan oleh pihak yang kompeten sahaja. Kompeten dari aspek kehakiman bermaksud hanya yang berkelayakan dari aspek ilmu dan kefahaman berkenaan perkara ini. Wahbah al-Zuhayli (1985) telah menyatakan bahawa sepakat imam mazhab berkenaan syarat lantikan kehakiman iaitu berakal, baligh, merdeka, agama Islam, mendengar, melihat dan bertutur. al-Bahuti (2010) di dalam kitabnya *Umdah al-Talib* menyatakan bahawa terdapat sembilan (9) syarat bagi lantikan hakim iaitu mukallaf, lelaki, muslim, adil, merdeka, mendengar, melihat, boleh berkata-kata dan seorang mujtahid. Syarat-syarat ini jelas menunjukkan bahawa kehakiman Islam amat menitikberatkan berkenaan kompetensi hakim. Kriteria yang lengkap ini dapat mengelakkan tohmahan dan prasangka masyarakat terhadap personel hakim tersebut.

Profesionalisme hakim dalam melaksanakan tugas kehakiman dapat dilihat melalui penghakiman yang diputuskan. Prinsip asas kepada proses penghakiman ini adalah ilmu dan integriti. Sekiranya kedua-dua perkara ini tidak dilaksanakan dengan serentak maka keadilan tidak akan tercapai dengan benar dan telus. Perkara ini telah dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W sebagaimana di dalam hadith:

Terjemahan: Daripada Ibn Buraydah dari bapanya, daripada Rasulullah S.A.W bersabda “hakim itu mempunyai tiga jenis, satu di syurga dan dua lagi di neraka, maka yang di dalam syurga adalah lelaki yang mengetahui kebenaran dan membuat penghakiman dengannya, manakala lelaki yang mengetahui kebenaran tetapi mengkhianati dalam berhukum maka dia di neraka, dan lelaki yang mengadili manusia dengan kebodohan maka dia di neraka” (Sahih)
[Riwayat Abu Dawud, No. Hadith 3573]

Ibn Qudamah pada menghuraikan hadith ini menyatakan bahawa terdapat tiga golongan dari yang memegang jawatan hakim ini dan tidak boleh mana-mana orang memegang jawatan ini sekiranya tidak mempunyai kelayakan sebagaimana pernyataan hadith ini. al-Husayni (2001) menekankan bahawa tidak boleh menjadi hakim orang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan, fasiq dan hakim yang rasuah. Ketelusan yang tidak dilaksanakan menyebabkan mereka di neraka (al-Husayni, 2001). Profesionalisme daripada hadith ini jelas yang mana hakim yang dimasukkan ke Syurga adalah hakim yang mengetahui kebenaran dan berhukum dengan kebenaran tersebut. Pelaksanaan hukuman dengan kebenaran adalah nilai integriti yang dianjurkan oleh Islam. Ini kerana integriti umpama maruah, harga diri dan tidak boleh dijual beli sebaliknya mesti dipertahankan (Universiti Putra Malaysia, 2018). Pengamalan nilai murni ini juga perlulah diimplimentasi di institusi kehakiman agar masyarakat memberi kepercayaan kepada institusi ini. Oleh yang demikian, maka kepentingan ilmu pengetahuan, pengamalan nilai murni dan integriti akan menunjukkan nilai maruah yang tinggi dalam sistem kehakiman Islam.

Pelantikan Hakim Syarie Menurut Undang-Undang Di Malaysia

Institusi kehakiman Islam memerlukan kepada beberapa elemen utama seperti mahkamah, Hakim Syarie, pegawai mahkamah, pendaftar mahkamah, bailif, Peguam Syarie, Pendakwa Syarie dan sebagainya (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Personel penting kepada sistem kehakiman menurut perspektif Islam dan undang-undang di Malaysia ialah jawatan hakim

tersebut. Perkembangan profesional memang terdapat dalam kebanyakan organisasi demi mengekalkan atau meningkatkan kualiti staf yang ada (Siti Nur Aisya & Ahmad Zabidi, 2016). Pelantikan Hakim Syariah di Malaysia adalah dilakukan berdasarkan peruntukan undang-undang di peringkat negeri selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri. Jawatan Hakim Syariah di peringkat negeri adalah ditempatkan di Mahkamah Syariah Negeri (MSN) yang mana jawatan ini adalah bersifat eksklusif dan hanya dipilih berdasarkan kelayakan akademik dan perakuan melalui peruntukan undang-undang. Kompetensi Hakim Syariah daripada peringkat Mahkamah Rendah Syariah (MRS) sehinggalah Panel Rayuan Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) negeri-negeri dibuat berpandukan undang-undang. (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021).

Hierarki Mahkamah Syariah mempunyai tiga (3) hierarki, iaitu Mahkamah Rendah Syariah (MRS), Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) (Farid Sufian Shuaib, 2008). Negeri Perak mempunyai empat (4) hierarki dengan perwujudan Mahkamah Utama Syariah adalah satu lapisan mahkamah selepas Mahkamah Rayuan Syariah (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, 2020). Fungsi kepada penambahan hierarki ini adalah pihak-pihak bertikai di peringkat di MTS memperoleh dua kali peluang merayu dalam memastikan proses keadilan dapat dilaksanakan dengan baik. Hal ini bermaksud bagi perbicaraan di MTS maka sekiranya pihak yang tidak berpuas hati boleh memfailkan rayuan di MRyS. Peluang rayuan ini boleh dilakukan lagi di peringkat Mahkamah Utama Syariah sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan MRyS. Proses ini berbeza dengan MSN yang mempunyai tiga hierarki yang hanya mempunyai satu peluang rayuan bagi kes di MTS.

Hakim Syariah yang dilantik berdasarkan hierarki akan dilantik melalui syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang pentadbiran agama Islam dan undang-undang Mahkamah Syariah di negeri yang diwartakan. Hakim Syariah yang dilantik hendaklah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Sultan, Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, Yang di-Pertuan Besar dan Yang di-Pertua Negeri. Perkenan daripada pihak berautoriti ini adalah mengikut negeri dan ianya hanya berkuatkuasa dalam negeri tersebut sahaja. Terdapat Hakim Syariah yang mempunyai tauliah dan perkenan daripada beberapa buah negeri terutama Panel Rayuan daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Perkara ini menunjukkan bahawa pelantikan Hakim Syariah di MRS tersebut hanya khusus dalam bidangkuasa yang ditetapkan oleh pemerintah.

Pelantikan tersebut menunjukkan berkenaan dengan nilai profesionalisme Hakim Syariah di MSN yang mana hanya yang benar-benar layak sahaja diberikan tauliah menjawat jawatan tersebut. Jawatan tersebut merupakan satu tanggungjawab besar yang mana prinsip utama yang dilaksanakan adalah menegakkan undang-undang berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan. Hakim Syariah yang dilantik adalah dari kalangan Pegawai Syariah di Malaysia bermula melalui lantikan Pegawai Syariah LS41 (Najibah M. Zin, 2012). Walau bagaimanapun perjawatan Hakim Syariah MRS adalah diisi oleh Pegawai Syariah skim LS44 kecuali beberapa negeri yang membenarkan LS41 menjawat jawatan tersebut seperti di Selangor dan Sarawak. Memahami berkenaan dengan pelantikan Pegawai Syariah di Malaysia, maka terdapat dua (2) pelantikan yang dibuat pada masa kini iaitu di peringkat Persekutuan dan Peringkat Negeri. Penempatan bagi Pegawai Syariah yang dilantik di peringkat Persekutuan akan ditempatkan di tujuh buah MSN dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) yang dinamakan negeri guna sama. Terdapat juga JKSN yang membuat lantikan sendiri bagi perjawatan Pegawai Syariah yang

dinamakan negeri tidak guna sama. Perkara berkenaan negeri guna sama dan negeri yang tidak guna sama ini lebih jelas sebagaimana jadual dibawah:

Jadual 1: Pembahagian Negeri Tidak Gunasama dan Gunasama Bagi Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia

Negeri Tidak Gunasama	Negeri Gunasama
Kedah	Wilayah Persekutuan
Perak	Selangor
Johor	Pulau Pinang
Pahang	Negeri Sembilan
Terengganu	Melaka
Kelantan	Sabah
Sarawak	Perlis

Sumber: diubahsuai dari Ramizah & Khairunnasriah, 2019

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan berkenaan senarai negeri gunasama dan negeri tidak guna sama bagi institusi kehakiman Syariah di Malaysia. Bagi tujuan pelantikan Pegawai Syariah yang dilakukan oleh JKSM maka boleh menempatkan secara khusus pegawai tersebut di tujuh buah negeri di MSN dan JKSN untuk tujuan perkhidmatan. Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah lantikan bagi tujuan memegang jawatan Hakim Syarie, Pegawai Sulh, Pegawai Penyelidik, Pendaftar dan sebagainya. Walaubagaimanapun terdapat perjawatan lantikan JKSM yang ditempatkan di seluruh Malaysia iaitu Pegawai Syariah Bahagian Sokongan Keluarga JKSM (seksyen negeri). Bagi negeri tidak gunasama maka segala urusan pelantikan Pegawai Syariah akan diurus di peringkat negeri. Penyelidikan mendapati bahawa ruang lingkup bagi pusingan kerja negeri tidak guna sama adalah terhad kerana pegawai tersebut hanya ditempatkan dalam perkhidmatan negeri tersebut sahaja iaitu di Mahkamah Syariah dan juga Pendakwaan. Pelantikan yang dibuat oleh JKSM dari segi pusingan kerja, maka Pegawai boleh untuk dinaikkan pangkat dan bertukar dalam ruang yang lebih luas iaitu tujuh (7) negeri gunasama. Walau bagaimanapun profesionalisme Pegawai Syariah tersebut adalah tetap sama dari segi kompetensi kerana syarat-syarat pelantikan kepada jawatan Pegawai Syariah tersebut adalah sama. Peningkatan tahap profesionalisme dan penghayatan pembelajaran berterusan mampu untuk mengekalkan kecemerlangan yang telah dicapai jika setiap warganya juga mempunyai iltizam untuk menjadi seorang pentadbir yang benar-benar profesional tanpa mengira kedudukan atau pangkatnya (Zulkefli A. Hassan, 2005). Oleh yang demikian, pelantikan Hakim Syarie melalui pelantikan Pegawai Syariah menjelaskan bahawa nilai profesionalisme Hakim Syarie dibuat berdasarkan kelayakan, kompetensi dan keilmuan dalam bidang kehakiman Syariah.

Profesionalisme Hakim Syarie Pengurusan Kes Di Mahkamah Syariah

Institusi kehakiman Syariah di Malaysia melalui peranan MSN menjalankan fungsi keadilan sebagaimana ketetapan undang-undang. Peranan ini dilaksanakan oleh pihak yang kompeten iaitu Hakim Syarie, Pendaftar Mahkamah, bailiff, polis mahkamah dan pengurusan mahkamah (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2021). Hakim Syarie merupakan personel penting dalam tugas kehakiman. Kredibiliti seorang Hakim Syarie adalah perkara penting dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Hakim Syarie berperanan melaksanakan tugas kehakiman ini dengan memutuskan penghakiman berdasarkan peruntukan undang-undang dan bidangkuasa kehakiman yang diberikan di bawah undang-undang pentadbiran. (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021). Profesionalisme Hakim Syarie lebih jelas dilihat dalam pengurusan kes yang dilakukan

bermula daripada proses pendaftaran, sebutan kes, pengambilan keterangan, penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman. Kesemua proses tersebut dilakukan berpandukan undang-undang, garis panduan dan arahan amalan yang dilaksanakan oleh MSN. Perkara ini menunjukkan nilai profesionalisme Hakim Syarie terhadap kes kehakiman yang dijalankan di MSN. Pembangunan profesionalisme merujuk kepada usaha untuk membangunkan aspek profesionalisme terhadap diri individu (Muhammad Faizal *et.al*, 2016). Perkara ini juga dilaksanakan di peringkat JKSM, JKSN dan MSN terhadap latihan yang berterusan bagi membangunkan kompetensi Pegawai Syariah dan Hakim Syarie di Malaysia. Proses latihan yang dilakukan secara berterusan ini memberikan kesan terhadap proses pengurusan kes yang berkualiti berpandukan undang-undang yang diwartakan di peringkat negeri.

Nilai profesionalisme Hakim Syarie melalui pelaksanaan tugas kehakiman memberi kesan besar kepada masyarakat bagi memastikan institusi kehakiman Syariah dilihat sebagai institusi yang mempunyai integriti, telus dan profesional. Profesionalisme dalam kerja adalah faktor penting kepada prestasi dan produktiviti bagi diri seseorang yang bekerja atau organisasi yang berkaitan dengan pekerjaan sama ada pada sektor awam, syarikat swasta, bekerja sendiri atau selainnya (Hisham Ahmad & Wan Nasyrudin, 2015). Mahkamah Syariah di Malaysia merupakan sektor awam yang memberikan perkhidmatan keadilan kehakiman Syariah melalui peruntukan undang-undang. Pegawai Syariah terutama Hakim Syarie akan diberikan kemahiran dan keilmuan bagi meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam pengendalian prosiding kes.

Merealisasikan peranan institusi kehakiman Syariah yang telus, maka Hakim Syarie diberikan kedudukan yang eksklusif dari segi pelantikan dan pelaksanaan tugas berdasarkan undang-undang. Proses penghakiman di Mahkamah Syariah dilakukan melalui prosiding dan prosedur yang telah ditetapkan. Penghakiman dilakukan melalui undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*) (Zulzaidi, Ahmad Hidayat & Afifah, 2021). Tugas Hakim Syarie adalah berpandukan undang-undang tersebut sebagai arahan utama pelaksanaan tindakan. Kegagalan mematuhi undang-undang dan Hukum Syarak akan menyebabkan penghakiman atau keputusan seseorang Hakim Syarie itu dipertikai dan dirayu (Ghazali Abdul Rahman, 2005). Sekiranya berlaku kekhilafan dalam proses kehakiman dan penghakiman, maka undang-undang memberikan ruang bagi tujuan rayuan dan semakan di peringkat Mahkamah Syariah yang lebih tinggi iaitu MTS dan MRyS. Proses ini adalah bersifat eksklusif yang mana segala tatacara dan tindakan hendaklah bertepatan dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di negeri tersebut.

Memastikan tugas kehakiman Hakim Syarie dilaksanakan secara beretika, maka Arahan Amalan JKSM No. 1 Tahun 2001 berkenaan dengan “Kod Etika Hakim Syarie” hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Layanan samarata hendaklah diberikan oleh Hakim Syarie kepada pihak-pihak dan peguam-peguam sebagaimana dalam perenggan 4(1) Kod Etika dalam Mahkamah:

(1) *memberi layanan sama rata kepada pihak-pihak dan peguam-peguam;*

Pelaksanaan perkara ini adalah bertepatan dengan konsep “*al-Taswiyyah bayn al-Khasmayn*” yang telah diberi penekanan oleh Ibn Abi al-Dam (1984) dan al-Khatib al-Sharbini (1997). Pelaksanaan Arahan Amalan Kod Etika Hakim Syarie oleh Hakim Syarie di MSN adalah sebagai panduan etika dan integriti dalam proses pelaksanaan tugas kehakiman Syariah. Hal ini menunjukkan nilai profesionalisme Hakim Syarie dalam mengelak tohmahan pihak-pihak terhadap prosiding perbicaraan di MSN.

Profesionalisme Hakim Syarie Melalui Penulisan Penghakiman Di Mahkamah Syariah

Konsep profesionalisme merujuk kepada satu set ciri, pengetahuan, kepakaran, sikap dan nilai dalam sesuatu profesion serta ciri-ciri profesionalisme terserlah melalui pengetahuan serta sifat dedikasi terhadap kerja dan tidak mementingkan diri sendiri (Zainudin & Fatimah, 2013). Profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah dapat dilihat melalui penulisan alasan penghakiman yang dilakukan bagi kes-kes yang dikendalikan. Kredibiliti seorang Hakim Syarie adalah perkara penting dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Profesionalisme juga membawa erti sifat-sifat kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan sesuatu perkara dilakukan oleh seorang profesional (Hisham Ahmad & Wan Nasyrudin, 2015). Hakim Syarie yang profesional hendaklah memastikan bahawa penghakiman yang diputuskan dibuat secara bertulis melalui penulisan teks alasan penghakiman. Penulisan teks alasan penghakiman hendaklah dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang dan arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM.

Mazni Abdul Wahab (2014) menyatakan bahawa arahan amalan ini merupakan suatu mekanisme baru untuk memperkasakan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia. Arahan amalan berkaitan dengan pentadbiran undang-undang dikeluarkan untuk memastikan pentadbiran kehakiman dan proses perbicaraan dapat dijalankan dengan lancar, adil dan sistematik (Zubaidi & Ahmad Hidayat, 2021). Pemakaian arahan amalan dipatuhi bagi memastikan pengurusan kes sehinggalah penghakiman dikeluarkan dibuat berdasarkan ketetapan pihak pengurusan MSN dan JKSM. Arahan amalan juga telah dijadikan sumber autoriti selain daripada akta ataupun enakmen negeri setelah diendorskan pemakaiannya (Mazni Abdul Wahab, 2016). Arahan amalan berkenaan penulisan teks alasan penghakiman yang telah digunakan di institusi kehakiman Syariah di Malaysia adalah Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 sebagaimana berikut:

Alasan Penghakiman sesuatu kes hendaklah disediakan tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya. Ianya hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah-hujah pihak-pihak, Otoriti kes yang dirujuk. Semasa penulisan dibuat penggunaan tanda tulisan yang betul seperti perenggan, koma, noktah, pengikat kata, seruan dan sebagainya hendaklah diikuti. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Penggunaan arahan amalan alasan penghakiman adalah dikhususkan kepada Hakim Syarie yang memutuskan kes. Hakim Syarie hendaklah mematuhi arahan amalan ini untuk memastikan kandungan dan kaedah penulisan teks alasan penghakiman adalah bertepatan dengan arahan amalan tersebut. Bagi memastikan sesuatu teks itu menyeluruh, maka teks alasan penghakiman tersebut hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, penggunaan Hukum Syarak, pentafsiran dan ulasan ke atas hujah pihak-pihak serta otoriti kes yang dirujuk oleh Hakim Syarie. Hakim Syarie dalam membuat teks alasan penghakiman juga perlu menilai proses keterangan pihak-pihak berdasarkan dakwaan yang dibuat sewaktu memfailkan kes di MSN. Selain itu Hakim Syarie hendaklah mematuhi arahan amalan garis panduan penulisan penghakiman. Hakim Syarie perlu menyediakan alasan penghakiman tertakluk kepada garis panduan penulisan teks penghakiman yang telah dikuatkuasakan dalam arahan amalan tersebut (Mastura Razali & Jasni Sulong, 2016).

Ghazali Abdul Rahman (2005) menyatakan keyakinan diri, ilmu pengetahuan yang tinggi dan kerajinan membaca serta menulis menjadi pra syarat melahirkan Hakim Syarie yang Profesional. Profesionalisme Hakim Syarie berkenaan penulisan teks alasan penghakiman ini boleh dirujuk kepada teks yang diterbitkan di dalam Jurnal Hukum keluaran JKSM. Contoh kes yang menyentuh berkenaan dengan isu yang dibangkitkan adalah kes *Khalil Ong bin Abdullah lwn. Majlis Agama Islam (MAIS) & Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Timohty Joh Smith lwn. Norliza binti Ali, Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilyas, Jimmy Shanley bin Norjahan Saleh lwn. Nursuhaila Eliani binti Suhaimy, Rita Rudaini binti Mohamad@Mokhtar lwn. Mohamad Aidil Zafuan bin Abd Radzak* dan banyak lagi. Isu -isu yang dibangkitkan akan dihurai dan diulas untuk Hakim Syarie membuat keputusan terhadap isu tersebut. Kesimpulan ulasan tersebut akan menjadi asas penghakiman kepada kes yang dijalankan oleh Hakim Syarie. Penulisan teks alasan penghakiman menunjukkan nilai profesionalisme Hakim Syarie bagi memastikan ketelusan dalam proses kehakiman. Kegagalan pelaksanaan profesionalisme Hakim Syarie akan memberikan tohmahan kepada institusi kehakiman Syariah di Malaysia dan akan memberikan kesan buruk terhadap imej institusi ini secara tidak langsung. Perkara ini menunjukkan kepentingan nilai integriti dan amanah dalam melaksanakan tugas keadilan. Hal ini juga adalah selaras dengan kehendak perundangan Islam untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan dilaksanakan dengan sempurna, telus dan berwibawa.

Kesimpulan

Perundangan Islam telah meletakkan asas kehakiman sebagai urusan pentadbiran negara yang dipertanggungjawabkan kepada pemerintah untuk dilaksanakan dengan penuh amanah dan adil. Fuqaha` telah membincangkan secara khusus berkenaan *Fiqh al-Qada`* secara tersusun yang mana ianya adalah dilaksanakan secara eksklusif oleh orang yang berkelayakan dan kompeten. Perkara ini menunjukkan bahawa perundangan Islam adalah menekankan profesionalisme sehinggakan pelantikan *al-Qadi* dibuat dengan berhati-hati dan diberikan kepada pihak yang layak sahaja. Perkara ini diaplikasi di Malaysia melalui peranan dan pelantikan Hakim Syarie. Profesionalisme Hakim Syarie merupakan asas ketelusan. Perkara ini juga untuk memastikan proses penyampaian perkhidmatan kerajaan dari aspek kehakiman Syariah dilaksanakan berkualiti dan efisien. Hakim Syarie mempunyai tanggungjawab kehakiman bagi memastikan prosiding kes yang dikemukakan di mahkamah dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesional. Penulisan Teks Alasan Penghakiman oleh Hakim Syarie akan menunjukkan nilai kewibawaan dalam pelaksanaan tugas di Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, sistem kehakiman Syariah di Malaysia dari aspek profesionalisme Hakim Syarie adalah selari dengan ketetapan yang digariskan oleh fuqaha` di dalam *Fiqh al-Qada`*.

Rujukan

- Abi` Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi. (2006). *al-Jami` li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abi Dawud. (424H). *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Maktabah al-Ma`arif li al-Nashr wa al-Tawzi`.
- al-Imam Abi Zakariyya Mahy al-Din bin Sharf al-Nawawi. (t.t). *Kitab al-Majmu` Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- al-Shirazi . (1995). *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam Shafi`i*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Farid Sufian Shuaib. (2008). *Power and Jurisdiction of Syariah Court in Malaysia*, cet.2. Petaling Jaya Selangor: Lexis Nexis.

- Ghazali Abdul Rahman. (2005). Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *Jurnal Hukum XIX/2* (2005), 189-216.
- Hisham Ahmad & Wan Nasrudin Wan Abdullah. (2015). Mengatasi Kelemahan Profesionalisme dalam Kerja Melalui penghayatan Karekter Hamba-Hamba Ar-Rahman. *Al-Hikmah*, 7(1), 17-32.
- Ibn Abi al-Dam al-Shafi'i. (1984). *Adab al-Qada'*. Baghdad: Matba'ah al-Irshad.
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Giza: Muassasah Qurtubah.
- Ibn Qudamah. (2004). *al-Mughni*. Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dauliyyah.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak. (2020). Sidang Pertama Pendengaran Kes Mahkamah Utama Syariah Perak. *Siaran Media Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak*, 16 Julai 2020.
- Mansur bin Yunus bin Idris al-Bahuti. (2010). *'Umdah al-Talib linayl al-Maarib*. Kuwait: Tab'ala Nafqah Mubrah Jalwi.
- Mastura Razali & Jasni Sulong. (2016). Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia. *Jurnal Syariah*, 24(1), 25-58.
- Mazni Abdul Wahab. (2014). Pemeraksanaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (Tesis PhD, Universiti Malaya).
- Mazni Abdul Wahab. (2016). Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur. *Jurnal Penyelidikan Undang-Undang Syariah*, 1(2), 175-186.
- Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Syariah*, 23(2) (2015), 255-286.
- Muhammad al-Zuhayli. (2011). *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Muhammad bin Idris. (2001). al-Shafi'i, *al-Umm*. al-Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Abdul Khalil Adnan, Zaharah Hussin, Norfariza Mohd. Radzi, Ainoor Mahfuzah Ahmad & Faisol Elham. (2016). Program Pembangunan Profesionalisme Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3), 76-103.
- Najibah M. Zin. (2012). The Training, Appointment, and Supervision of Islamic Judges in Malaysia. *Pacific Rim Law & Policy Journal* 21(1), 115-131.
- Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri.
- Ramizah Wan Muhammad & Khairunnasriah Abdul Salam. (2019). Kejayaan Modal Insan dan Inovasi dalam Pentadbiran Mahkamah Syariah: Membina Model Antarabangsa. *Jurnal Syariah* 27(1), 27-44.
- Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini. (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Siti Nur Aisya Sugumarie Abdullah & Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2016). Hubungan Dasar Latihan dalam Perkhidmatan dengan Peningkatan Profesionalisme Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*, April 2016, 4(1), 17-27.
- Tajul Aris Ahmad Bustami. (2007). Bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal Ke Atas Kes Jumaaton Lwn Raja Hizaruddin, dalam Tajul Aris Ahmad Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib (eds.), *Kaedah Perundangan Bidangkuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.
- Taqi al-Din Abi Bakr bin Muhammad al-Husayni. (2001). *Kifayah al-Akhyar fi Halli Ghayah al-Ikhtisar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Universiti Putra Malaysia. (2018). Cabaran Profesionalisme Penjawat Awam, dalam Portal Rasmi Universiti Putra Malaysia. Diakses pada 30 September 2021. https://upm.edu.my/berita/cabaran_profesionalisme_penjawat_awam-46061?L=en
- Wahbah al-Zuhayli. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, cet. ke-2. Damsyiq: Dar al-Fikr li al-Tiba`ah wa al-Tawzi` wa al-Nashr.
- Zainudin Hj Ahmad & Fatimah wati Halim. (2013). Pengaruh Ketidakkuran Sivil Terhadap Profesionalisme Anggota PDRM. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 119-134.
- Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 29-50
- Zulkefli A. Hassan. (2005). "Profesionalisme dan Pembelajaran Sepanjang Hayat". Portal Rasmi Jabatan Perkhidmatan Awan. Diakses pada 30 September 2021. <https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/ubulanan/2005/feb-BL.pdf>
- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2016). Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan. *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, 1(2), 201-212.
- Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin. (2021). "Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak". *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 41-50. <http://www.jised.com/PDF/JISED-2021-39-09-05.pdf>
- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama Di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid Al-Syariah, dalam Nasimah Hussin *et al.*, (eds.) dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan. Malaysia: JKSM & UIAM. 453-383.
- Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin. (2021). "Cabaran Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak di Sarawak". *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 252 - 267.

Rujukan Undang-Undang/ Dokumen Perundangan/ Kes

- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Arahan Amalan JKSM No. 1 Tahun 2001, "Kod Etika Hakim Syarie".
- Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014, "Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman".
- Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, (En. 3/2001).
- Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004, (En. 6/2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, (En. 16/2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, (En. 7/2002).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006, (En. 4/2006).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, (En. 4/2004).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, (En. 1/2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan), 2003, (En. 10/2003).
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang 1991, (En. 3/1991).
- Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilya, (2018) 46(1) JH 196.
- Jimmy Shanley bin Norjahan Saleh lwn. Nursuhaila Eliani binti Suhaimy, (2018) 47(1) JH 77.
- Khalil Ong bin Abdullah lwn. Majlis Agama Islam (MAIS) & Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), (2018) 46(2) JH 206.

Rita Rudaini binti Mohamad@Mokhtar lwn. Mohamad Aidil Zafuan bin Abd Radzak, (2018)
47(1) JH 117.

Timohty Joh Smith lwn. Norliza binti Ali, (2014) 39(1) JH 66.